

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS TAHUN 2022**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN CHARLES ANTHONY SANTIAGO
(KLANG)**

TARIKH : 20 JULAI 2022 (RABU)

SOALAN

TUAN CHARLES ANTHONY SANTIAGO (KLANG) minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan adakah Kementerian mempunyai rancangan untuk memperkenalkan cuti haid dan subsidi tuala wanita sebagai sebahagian daripada perlindungan sosial untuk wanita dari keluarga B40.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) sentiasa prihatin terhadap kebajikan dan kesejahteraan kumpulan sasar serta menggalakkan inisiatif-inisiatif baharu yang menyokong kesejahteraan dan kebajikan semua golongan termasuk wanita.

KPWKM berpandangan pengenalan cuti haid memerlukan penelitian dan perbincangan lanjut dengan pihak-pihak berkepentingan seperti Jabatan Perkhidmatan Awam, Kementerian Sumber Manusia, Kementerian Kewangan, kesatuan sekerja dan pertubuhan majikan. Ini kerana proses memperkenalkan cuti haid bukan sahaja melibatkan kesejahteraan pekerja wanita tetapi juga memberi implikasi kepada produktiviti dan ekonomi negara.

Buat masa ini, terdapat kemudahan cuti sakit dan cuti rehat sedia ada yang diperuntukkan oleh majikan kepada pekerja sama ada di sektor swasta atau sektor awam.

Kemiskinan Haid secara relatifnya adalah merujuk kepada situasi apabila individu perempuan tidak mendapat akses kepada tuala wanita disebabkan kekangan kewangan. KPWKM berpandangan kajian lanjut perlu dilaksanakan berhubung keperluan pemberian subsidi tuala wanita bagi membolehkan Kerajaan mendapat gambaran sebenar berhubung isu kemiskinan haid yang dialami oleh golongan wanita khususnya di kalangan isi rumah B40 di Malaysia. Selain itu, dapatan kajian ini juga membolehkan satu pendekatan yang lebih komprehensif dan bersasar diperkenalkan bagi menangani isu kemiskinan haid tersebut.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS TAHUN 2022**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : PUAN MARIA CHIN BINTI
ABDULLAH (PETALING JAYA)**

TARIKH : 20 JULAI 2022 (RABU)

SOALAN

PUAN MARIA CHIN BINTI ABDULLAH (PETALING JAYA) minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan tindakan pihak Kementerian berkaitan isu pengoperasian pusat jagaan warga emas haram dan masalah kesihatan yang berpunca daripada pengoperasian premis-premis secara haram ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) sentiasa komited dan memberi perhatian kepada aspek kebajikan dan keperluan penghuni di semua pusat jagaan yang berdaftar di bawah Akta Pusat Jagaan 1993.

Untuk makluman Dewan Yang Mulia, berdasarkan kepada Akta Pusat Jagaan 1993, terdapat tiga (3) seksyen yang telah menetapkan tindakan penguatkuasaan yang boleh diambil dalam mengekang pengoperasian pusat jagaan tidak berdaftar. Seksyen tersebut adalah seperti berikut:

1. Seksyen 5(1) Akta 506 bahawa tiada seorang pun atau mana-mana pihak boleh mengendalikan atau mengambil bahagian dalam pengurusan sesuatu pusat jagaan yang tidak didaftarkan;
2. Mana-mana orang yang melanggar subseksyen 5(1), telah melakukan suatu kesalahan; dan
3. Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan, apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya, dan dalam hal sesuatu kesalahan berterusan, boleh sebagai tambahan, dikenakan denda harian tidak melebihi satu ribu ringgit bagi tiap-tiap hari yang kesalahan itu berterusan.

Berdasarkan kepada seksyen-seksyen tersebut, Kementerian melalui JKM telah melaksanakan penguatkuasaan, pemutihan dan *mapping* ke atas pengoperasian pusat jagaan. Hasil daripada tindakan tersebut, bermula April 2022, sebanyak 1028 pusat jagaan tidak berdaftar dari pelbagai kategori telah dikenal pasti. Daripada jumlah tersebut, 263 pusat jagaan telah dikenakan tindakan pemutihan termasuklah 28 pusat jagaan warga emas manakala sebanyak 765 pusat jagaan tidak berdaftar sedang dalam pemantauan untuk tindakan penguatkuasaan. Statistik

tahun 2020 sehingga tahun 2022 menunjukkan sebanyak empat (4) buah pusat jagaan warga emas tidak berdaftar telah diambil tindakan penguatkuasaan.

Selain itu, dalam memastikan pusat jagaan didaftarkan, KPWKM turut menjalankan kerjasama strategik dengan agensi teknikal iaitu Pihak Berkuasa Tempatan, Jabatan Bomba dan Penyelamat dan Jabatan Kesihatan. Kerjasama ini bertujuan untuk memastikan pengoperasian pusat jagaan adalah menepati semua syarat yang telah ditetapkan.

Mesyuarat Jawatankuasa Agensi Pusat Setempat di peringkat negeri dan daerah turut diadakan bagi membincangkan isu-isu berkaitan pendaftaran dan penguatkuasaan ke atas pusat jagaan. Jawatankuasa ini dipengerusikan oleh Pengarah Kebajikan Masyarakat Negeri atau Timbalan dan dianggotai oleh agensi teknikal dan agensi lain yang bersesuaian seperti Suruhanjaya Syarikat Malaysia, Jabatan Pendaftar Pertubuhan dan Jabatan Pendidikan Negeri.

Selain itu, program advokasi kepada masyarakat khususnya kepada pengendali pusat jagaan turut diadakan secara berterusan bagi memastikan masyarakat sedar tentang kepentingan untuk sesebuah pusat jagaan berdaftar dengan pihak berkuasa. **Sehingga Mei 2022, sebanyak 73 program jerayawara telah diadakan** di seluruh negara melibatkan 2,361 orang peserta termasuk pengusaha dan penyelia pusat jagaan dan Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO).

Kerjasama semua pihak adalah diperlukan bagi memastikan aspek keselamatan penjagaan warga emas sentiasa menjadi keutamaan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS TAHUN 2022**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN TAN KOK WAI (CHERAS)

TARIKH : 20 JULAI 2022 (RABU)

SOALAN

TUAN TAN KOK WAI (CHERAS) minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan jumlah warga emas yang diabaikan oleh keluarga mereka di hospital awam dan hospital swasta setiap tahun untuk lima tahun yang lepas, mengikut kriteria jantina, sebab ditinggalkan, bagaimana dan di mana mereka kini ditempatkan. Apakah langkah yang diambil Kementerian untuk mengurangkan perbuatan tidak bertanggungjawab sebegini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK) sentiasa prihatin dan memandang serius berkaitan kes pengabaian warga emas oleh ahli keluarga ataupun yang tidak berwaris. Warga emas di negara ini merupakan kumpulan sasar yang sentiasa dibela nasib dan diangkat martabat mereka menerusi Dasar Warga Emas Negara. Matlamat unggul dasar ini adalah menjadikan warga emas sihat, aktif dan produktif serta dilindungi daripada sebarang aktiviti yang menjejaskan kesejahteraan mereka.

Tuan Yang di-Pertua,

Berdasarkan data Kementerian Kesihatan (KKM), pada tahun 2021 seramai 752 warga emas telah diabai dan ditinggalkan di hospital. Pegawai Kerja Sosial Perubatan di hospital berusaha mengesan waris mereka dan jika tidak berjaya, membantu menguruskan penempatan ke institusi kebajikan kerajaan atau swasta. Daripada jumlah tersebut, seramai 412 kes (55%) iaitu 231 warga emas lelaki dan 109 warga emas perempuan telah ditempatkan di institusi yang bersesuaian.

Data kumulatif KKM melaporkan sepanjang tempoh lima (5) tahun iaitu dari 2018 hingga Jun 2022, seramai 2,144 warga emas telah diabai dan ditinggalkan di hospital. Daripada jumlah tersebut, 914 (43%) kes terdiri daripada 656 warga emas lelaki dan 258 warga emas perempuan telah berjaya dikembalikan kepada keluarga atau waris. Bagi warga emas yang sebatang kara dan tidak dapat dikesan waris, seramai 1,230 orang yang terdiri daripada 650 warga emas lelaki dan 380 warga emas perempuan telah ditempatkan di institusi yang bersesuaian.

Menurut KKM, kebanyakan kes warga emas terabai sebenarnya mempunyai waris seperti suami, isteri, anak-anak atau adik beradik. Pegawai Kerja Sosial Perubatan terlebih dahulu akan mencuba sedaya upaya untuk mengesan waris-waris mereka melalui pengesanan alamat di kad pengenalan (sekiranya warga emas mempunyai kad pengenalan),

menelefon waris, membuat lawatan ke rumah atau mengesan waris melalui Jabatan Pendaftaran Negara. Walau bagaimanapun, kebanyakan waris yang dikesan enggan tampil untuk mengambil warga emas tersebut. Antara alasan yang diberikan adalah masalah keluarga, tiada penjaga dan ada juga yang mengatakan tidak mengenali warga emas yang dirujuk . Pihak hospital menghadapi kesukaran sekiranya warga emas itu tidak dapat memberikan maklumat yang tepat mengenai nombor kad pengenalan, nombor telefon waris atau kenalan serta alamat tempat tinggal. Kebanyakan kes juga adalah dalam kalangan kutu rayau dan gelandangan yang dirujuk oleh orang awam ke hospital untuk rawatan. Warga emas yang terlibat dalam kes penyalahgunaan dadah dan alkohol juga dirujuk ke hospital.

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan menyedari keperluan perundangan bagi melindungi hak-hak asasi warga emas dan sedang berusaha mewujudkan satu Akta khusus untuk warga emas di Malaysia. Satu draf Rang Undang-Undang (RUU) Warga Emas telah disediakan dan kini sedang diteliti bagi tujuan kebajikan warga emas termasuk penyediaan hak, penjagaan, perlindungan, pemerkasaan dan sokongan yang merangkumi keluarga dan komuniti.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS TAHUN 2022**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : PUAN HANNAH YEOH TSEOW SUAN
(SEGAMBUT)**

TARIKH : 20 JULAI 2022 (RABU)

SOALAN

PUAN HANNAH YEOH TSEOW SUAN (SEGAMBUT) minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apakah langkah Kementerian untuk menyelaraskan pelaksanaan dasar gaji minimum RM1,500 sebulan bagi tenaga kerja di TASKA dan kelangsungan operasi TASKA yang terpaksa bergelut untuk mengekalkan bayaran yang berpatutan kepada ibu dan bapa.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK) menyambut baik Ucapan Perdana Menteri, YAB Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob pada 28 April 2022 sempena Hari Pekerja dengan pengumuman pelaksanaan kadar gaji minimum RM1,500.00. Penetapan gaji minimum ini adalah selaras dengan peruntukan di bawah peruntukan Akta Majlis Perundingan Gaji Negara 2011 yang menetapkan keperluan mengkaji gaji minimum setiap dua tahun.

TASKA yang berdaftar di bawah JKM adalah TASKA swasta yang berentitikan perniagaan berasaskan keuntungan dan memerlukan daya usaha kreatif di pihak pengusaha bagi memastikan perniagaan TASKA berkembang maju dan berdaya saing.

Bidang kuasa JKM adalah tertakluk kepada Akta TASKA 1984 iaitu untuk membuat pendaftaran, pemeriksaan dan penguatkuasaan ke atas TASKA dan perkara berkaitan dengannya demi menentukan kesejahteraan, keselamatan dan perkembangan menyeluruh kanak-kanak.

Bagi meringankan beban ibu bapa yang berpendapatan rendah dan menyediakan peluang kepada kanak-kanak untuk mendapat asuhan dan didikan awal yang lebih baik di TASKA, Kerajaan telah menyediakan Subsidi Yuran Pengasuhan kepada kanak-kanak yang layak. Bermula tahun 2016 hingga 2021 Kerajaan telah membelanjakan sebanyak RM18,427,680.00 yang memberi manfaat kepada 7,474 orang kanak-kanak.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS TAHUN 2022**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : PUAN TEO NIE CHING (KULAI)

TARIKH : 20 JULAI 2022 (RABU)

SOALAN

PUAN TEO NIE CHING (KULAI) minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan jumlah Pusat Sokongan Sosial Setempat dan Rumah Perlindungan Khas Wanita yang telah ditambah di bawah Belanjawan 2022.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat menerusi Ucapan Bajet 2021 telah dipertanggungjawabkan untuk menubuhkan Pusat Sokongan Sosial Setempat atau dengan kata ringkasnya PSSS.

PSSS ditubuhkan bertujuan untuk :

- (i) menangani isu-isu psikososial yang semakin menular dalam kalangan masyarakat;
- (ii) memberikan perkhidmatan psikososial yang holistik serta menyalurkan bantuan kepada kumpulan sasar Kementerian;
- (iii) menerima aduan dan pertanyaan, memperoleh maklumat dan nasihat, mendapatkan perkhidmatan segera seperti kaunseling serta transit sementara yang berbentuk *immediate relief* (dengan izin) kepada kumpulan sasar yang memerlukan; dan
- (iv) menjadi pemangkin kepada usaha *whole of government* serta *whole of society* dalam membendung masalah sosial.

Menerusi Belanjawan 2022, inisiatif ini diteruskan lagi bagi memperluaskan perkhidmatan PSSS di seluruh negara daripada **4 buah kepada 9 buah PSSS.**

PSSS memberikan perkhidmatan kepada masyarakat di seluruh negara ini dan pada masa yang sama turut menyantuni rakyat yang memerlukan melalui program Jelajah Aspirasi Keluarga Malaysia (AKM), Program Advokasi, Program Psikososial kepada mangsa bencana banjir di Pusat Pemindahan Sementara (PPS) serta program-program lain bersama komuniti setempat.

Pengoperasian PSSS ini turut melibatkan penyertaan Sukarelawan Kaunselor Berdaftar yang bertauliah di bawah Lembaga Kaunselor Malaysia, Skwad Waja di bawah Jabatan Pembangunan Wanita dan usahasama melalui Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) sebagai rakan strategik.

Sejak beroperasi pada Oktober 2021 sehingga 3 Julai 2022, **kumpulan sasaran yang telah mendapatkan maklumat dan perkhidmatan secara terus di PSSS** adalah berjumlah **553,684** orang.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS TAHUN 2022**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : PUAN HAJAH FUZIAH BINTI SALLEH
(KUANTAN)**

TARIKH : 20 JULAI 2022 (RABU)

SOALAN

PUAN HAJAH FUZIAH BINTI SALLEH (KUANTAN) minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan:-

- (a) jumlah Taman Asuhan Kanak-Kanak (TASKA) di rumah yang telah berjaya didaftarkan bagi tempoh bermula Januari 2022 sehingga Jun 2022 mengikut bulan dan adakah insentif disediakan bagi yang berjaya didaftarkan; dan
- (b) apakah tindakan susulan pihak Kementerian yang akan dilaksanakan ke atas taska yang tidak berdaftar.

JAWAPAN (a)

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat amat memandang serius terhadap pendaftaran TASKA kerana ia melibatkan keselamatan dan kesejahteraan kanak-kanak yang dihantar ke TASKA.

Sehingga Jun 2022, sebanyak 392 buah TASKA di Rumah telah dikenalpasti untuk didaftarkan di bawah Akta Taman Asuhan Kanak-Kanak 1984. Pendaftaran TASKA ini adalah tertakluk kepada syarat dan peraturan yang telah ditetapkan oleh pihak berkuasa tempatan, Jabatan Kesihatan Negeri dan Jabatan Bomba dan Penyelamat.

Bagi tempoh Januari hingga Jun 2022, tiada insentif yang diberikan kepada pengusaha TASKA. Namun begitu, terdapat beberapa insentif yang diberikan oleh Kerajaan kepada TASKA yang berdaftar di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat sebelum ini. Antaranya ialah:

1. Pada tahun 2020, Bantuan Khas kepada pengusaha TASKA yang terkesan dengan Perintah Kawalan Pergerakan di bawah insentif Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA) sebanyak RM1,500 bagi setiap TASKA di Rumah yang berdaftar; dan
2. Pada tahun 2021, Bantuan Khas kepada pengusaha TASKA yang terkesan dengan Perintah Kawalan Pergerakan di bawah insentif Pakej Perlindungan Rakyat Dan Pemulihan Ekonomi (PEMULIH) sebanyak RM800 kepada setiap TASKA di Rumah yang berdaftar dengan JKM.

JAWAPAN (b)

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK) melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia (JKM) telah diberi tanggungjawab untuk menguatkuasakan Akta Taman Asuhan Kanak-Kanak 1984 [*Akta 308*] dan Peraturan-Peraturan Taman Asuhan Kanak-Kanak 2012.

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat juga sentiasa giat menggerakkan usaha pendaftaran TASKA dengan memperkenalkan Kempen Jom Daftar yang bertujuan meningkatkan kesedaran ibu bapa dan masyarakat tentang kepentingan TASKA berdaftar.

Kempen Jom Daftar ini memberi peluang kepada semua TASKA yang belum berdaftar untuk mendapatkan khidmat nasihat berhubung pendaftaran TASKA daripada JKJ dan agensi teknikal yang terlibat.

Seksyen 6 (1) Akta Taman Asuhan Kanak-Kanak 1984 memperuntukan tiada seorang pun boleh menjalankan atau mengambil bahagian dalam pengurusan suatu taman asuhan kanak-kanak yang tidak didaftarkan di bawah peruntukan Akta ini.

Terdapat tiga (3) tindakan penguatkuasaan yang boleh diambil ke atas TASKA tidak berdaftar iaitu lak atau sita di bawah seksyen 20A, kompaun di bawah seksyen 21A dan menjalankan pendakwaan di mahkamah di bawah seksyen 21. Sejak tahun 2020 sehingga Mei 2022, 13 buah TASKA tidak berdaftar telah diambil tindakan dengan jumlah kompaun/dakwa sebanyak RM38,100.00.

Jika sabit kesalahan, pengusaha Taman Asuhan Kanak-Kanak (TASKA) berkeenaan boleh didenda tidak lebih RM10,000 atau di penjara tidak lebih 2 tahun atau kedua-duanya sekali di bawah seksyen 6(2).